



# JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Kementerian Pendidikan  
Aras 7, Lobi 2, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 Putrajaya**

Tel : 03-8889 0000  
Faks : 03-8890 3085/3087  
Laman Web : <http://jpwpp.moe.gov.my>

Ruj.Kami : JPWPP.100-6/2/1 Jld 10 (7)  
Tarikh : **22** Julai 2024

Kepada:

**YBrs. Prof. Ts. Dr. Faizd Abd Rahman**

Pengerusi

Jawatankuasa Penyelaras Kuala Lumpur Engineering Science Fair

(KLESF),

Universiti Tunku Abdul Rahman,

Cheras, Selangor

Tuan,

## **KELULUSAN KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID DALAM KLESR : *THE FAIR 2024 ANJURAN KUALA LUMPUR SCIENCE AND ENGINEERING FAIR DAN MALAYSIA MENTAL LITERACY MOVEMENT***

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP) telah menerima dan meneliti permohonan pihak tuan untuk menjalankan program di atas. JPWPP **TIADA HALANGAN** bagi memberi kelulusan kepada permohonan pihak tuan untuk mengadakan program tersebut. Pihak tuan perlu mengadakan perbincangan terus dengan Pengetua / Guru Besar sekolah yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah terbaik bagi pelaksanaan program berkenaan. Pengetua dan Guru Besar sekolah **TIADA BOLEH** diberi tekanan dan **PAKSAAN** bagi melaksanakan program ini.

3. Kelulusan ini juga adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 2018 - Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Aspek kebajikan dan keselamatan murid hendaklah diutamakan seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8/2009 dan Bilangan 7/1988. Sehubungan dengan itu, pihak tuan perlu memastikan syarat-syarat berikut adalah dipatuhi:

3.1 Mendapat kebenaran dan perbincangan daripada Pengetua / Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat dalam pelaksanaan program ini.

3.2 Surat kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan dari mana-mana pihak berkenaan;

3.3 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

3.4 Pihak sekolah tidak boleh dipaksa untuk menerima program yang ditawarkan oleh pihak tuan;

Ruj.Kami : JPWPP.100-6/2/1 Jld 10 ( 7 )

3.5 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;

3.6 Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pendidikan Negeri, sekolah, guru dan murid yang terlibat. **Kebenaran bertulis daripada ibubapa/penjaga murid mesti diperolehi sebelum murid terlibat dalam program ini.**

3.7 Pihak penganjur dilarang untuk mempromosikan sebarang program/aktiviti luar sekolah yang melibatkan bayaran;

3.8 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut; dan

3.9 Pihak JPWPP mencadangkan supaya penyertaan murid-murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu PdP murid dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.

3.10 Penggunaan Logo KPM dan Jabatan ini tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan.

3.11 Jabatan ini berhak menarik balik kelulusan ini sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia yang sedang berkuatkuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM, MKN dan KKM.

**4. Kelulusan ini adalah bagi tahun 2024 sahaja. Sebarang pertanyaan berkaitan surat kelulusan ini boleh hubungi Haji Mohamad Nasir Bin Mustapha, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Perancangan di talian 03-888 9000 atau email: nasir.mustapha@moe.gov.my.**

Kerjasama dan sokongan tuan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“HEBATKAN PUTRAJAYA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(Y.M RAJA ISNARIZA BINTI RAJA BAHARI)**  
Timbalan Pengarah Perancangan  
b.p Pengarah  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya